

29 MAY 1996

Thailand-Lawat

PERDANA MENTERI THAILAND TIBA UNTUK LAWATAN RASMI DUA HARI

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Thailand, Banharn Silpa-Archa tiba di sini, hari ini, kerana lawatan rasmi dua hari ke Malaysia untuk mengukuhkan hubungan dua hala dan menggalakkan kerjasama ekonomi.

Banharn diiringi oleh isterinya Jamsai dan delegasi 60 orang termasuk Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Luar, Amnuay Virawan, Menteri Buruh dan Kebajikan, Prasong Boonpong, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ahli-ahli perniagaan.

Ketibaan Perdana Menteri Thai di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang disambut oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Tajol Rasli Mohd Ghazali yang juga menteri pengiring.

Rombongan itu kemudian bertolak dengan kereta ke perkarangan Parlimen untuk upacara sambutan rasmi.

Banharn dan isteri dijangka mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negara.

Pemimpin Thai itu akan melawat pejabat Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) di Jalan Ampang di sini, petang ini.

Malam ini, Banharn akan menghadiri jamuan yang dianjurkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sri Perdana.

Banharn akan memulakan lawatan hari keduanya esok dengan bersarapan bersama ahli-ahli perniagaan Thailand di Carcosa Seri Negara.

Selepas mesyuarat itu, beliau akan bertolak ke Jabatan Perdana Menteri untuk mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir.

Kedua-dua Perdana Menteri itu juga akan menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) mengenai pembelian dan penjualan gas asli dari Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) antara pihak kontraktor dan pembeli.

Program berasingan telah diatur bagi Jamsai yang termasuk lawatan ke Menara KL.

Banharn dijangka menghadiri majlis makan tengah hari bersama masyarakat Thai di sini sebelum berlepas ke Singapura petang esok.

Sementara itu di bangunan Parlimen, Dr Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyambut ketibaan Banharn dan Jamsai semasa upacara sambutan rasmi.

Oleh kerana hujan, upacara itu terpaksa diadakan dalam bangunan Parlimen.

Lagu kebangsaan Malaysia dan Thailand dimainkan oleh 60 anggota daripada Pancaragam Pusat Askar Melayu Diraja yang diketuai oleh Lt. Norman Kamaruddin.

Dr Mahathir kemudian memperkenalkan Banharn kepada Menteri-menteri Kabinet dan orang-orang kenamaan. --BERNAMA

NZ PR